# Tatacara Permohonan
# Majlis Konvokesyen Ke 30
# Politeknik Kota Bharu

**TAHNIAH** dan **SYABAS** kepada graduan sekalian kerana berjaya menamatkan sesi pengajian di Politeknik Kota Bharu serta berjaya di dalam kerjaya masing-masing. Kami warga Politeknik Kota Bharu, mengalu-alukan kehadiran para graduan ke Majlis Konvokesyen Ke 30 pada **6 hingga 9 Mac 2017** ini bertempat di Dewan Jubli Perak PKB. Permohonan untuk hadir/tidak hadir majlis konvokesyen adalah dengan mendaftar secara **online** melalui laman sesawang www.pkb.edu.my. Bersama ini disertakan tatacara untuk permohonan hadir/tidak hadir majlis konvokesyen.

**Langkah 1 : Membuat Pembayaran Konvokesyen.**
Sebelum melakukan proses pendaftaran secara *online*, graduan hendaklah membuat Pembayaran Konvokesyen seperti butiran dibawah:

1. Bayaran konvokesyen adalah :

   1.1 Semua graduan dikenakan Bayaran Konvokesyen, bayarannya adalah **RM 220.00** (Bayaran pengurusan Diploma/Sijil sebanyak RM170.00 dan yuran seumur hidup Alumni sebanyak RM50.00)

   1.2 Yuran Alumni sebanyak RM 50.00 adalah dikecualikan sekiranya graduan telah membayar yuran keahlian Alumni semasa konvokesyen pengajian di peringkat sijil di Politeknik Kota Bharu. (Sila kemukakan bukti keahlian Alumni)

2. Pembayaran hendaklah dibuat atas nama **"KOPERASI POLITEKNIK KOTA BHARU BHD"** di mana-mana cawangan bank seperti yang dinyatakan dibawah.

| Bil. | Nama Bank | Nombor Akaun |
|---|---|---|
| **1** | **Bank Muamalat** | **0303 0000 0707 18** |
| **2** | **RHB Bank Berhad** | **2030 2010 1131 54** |
| **3** | **Maybank Berhad** | **5530 3800 7514** |

3. Bayaran boleh dibuat melalui:
   3.1 Bayaran di kaunter bank
   Atau
   3.2 CDM (Cash Deposit Machine)
   Atau
   3.3 Funds Transfer (Perbankan Internet)

4. **Slip asal pembayaran** hendaklah dihantar kepada urusetia bersama-sama **Borang Jawapan Penyertaan Konvokesyen** yang lengkap.

5. Salinan fotokopi slip bayaran perlu dikemukakan kepada urusetia semasa Pendaftaran Graduan sebagai bukti bayaran telah dibuat.

**Langkah 2 : Kaedah Mengakses Sistem.**

Buka pelayar internet dan taipkan www.pkb.edu.my seperti rajah dibawah:




Contoh

Paparan utama akan dihasilkan.

Pada paparan klik pada  banner **'Majlis Konvokesyen Ke 30'** untuk login graduan.

Menu login graduan akan dipaparkan seperti dibawah. Para graduan diminta memasukkan nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran untuk proses permohonan hadir/ tidak hadir. Sekiranya graduan terlupa nombor pendaftaran, sila rujuk pada slip peperiksaan atau berhubung terus dengan Urusetia Konvokesyen.




Setelah memasukkan maklumat, sila klik butang **Mohon** untuk memaparkan menu pengesahan dan seterusnya. Pada menu ini, graduan diminta membaca dengan teliti Peraturan dan Syarat Majlis Konvokesyen dan Tatacara Permohonan melalui online. Ini boleh dicapai ,melalui **menu Peraturan dan Syarat Majlis Konvokesyen** dan menu **Tatacara Permohonan Hadir/Tidak Hadir Melalui Online.**

Contoh



Untuk proses permohonan, graduan diminta klik menu **Permohonan Menghadiri Konvokesyen**. Paparannya adalah seperti dibawah. Sila pilih samada graduan bersetuju atau tidak bersetuju menghadiri konvokesyen.

Contoh




Sekiranya graduan bersetuju/tidak bersetuju, maklumat seterusnya perlulah dilengkapkan.

Contoh




Setelah semua maklumat dimasukkan, sila klik butang **Setuju** untuk proses seterusnya. Proses yang berjaya akan memaparkan menu seperti dibawah.



Seterusnya, graduan perlu klik **Kembali ke Menu Utama** untuk proses mencetak borang permohonan untuk dihantar ke PKB.




**Langkah 3: Mencetak Borang Permohonan.**

Setelah Borang Pengesanan Graduan Secara Online diisi dan dicetak, graduan perlu kembali ke Menu Utama untuk mencetak borang permohonan untuk hadir/tidak hadir ke majlis konvokesyen. Sila lihat rajah dibawah.

*Contoh*



Hasil cetakan adalah seperti berikut.

*Contoh*

**JKM - HD**

**SURAT JAWAPAN AKAN HADIR**

(Sila kembalikan surat ini kepada Urusetia sebelum 01hb Mac 2016)
(Sila tulis Jabatan Pengajian pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat jawapan)

**JK PENDAFTARAN GRADUAN**
**MAJLIS KONVOKESYEN KE 29**
**POLITEKNIK KOTA BHARU**
**KOK LANAS, 16450 KETEREH**
**(U.P : UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA)**

**Majlis Konvokesyen Kali Ke 29**
**Politeknik Kota Bharu, Tahun 2016**

1. Saya akan hadir ke majlis tersebut di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu pada 09/03/2016 untuk pendaftaran/raptai dan pada 10/03/2016 untuk majlis konvokesyen. Sesi raptai akan diadakan pada pukul 1.30 hingga 5.00 ptg. Saya adalah merupakan graduan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal lulusan Disember 2014/ Mei 2015.

2. Bersama ini saya sertakan :
   (i) Slip Asal pembayaran Konvokesyen dan yuran Alumni melalui Bank MUAMALAT berjumlah RM 220.00
   (ii) Slip pengesahan kajian pengesanan graduan yang dicetak dari internet.

3. Ikrar :
   (i) Saya faham bahawa saya TIDAK DIBENARKAN menyertai Majlis Konvokesyen ini jika saya tidak mematuhi etika konvokesyen seperti yang ditetapkan.
   (ii) Saya faham bahawa saya TIDAK DIBENARKAN menyertai Majlis Konvokesyen ini jika saya tidak melaporkan diri untuk upacara Raptai pada masa yang ditetapkan.
   (iii) Saya faham bahawa wang Bayaran Konvokesyen tidak akan dikembalikan atas apa jua alasan pun.

Nama :

No. Pendaftaran : No. Kad Pengenalan :

Program :

Alamat Surat Menyurat

No. Telefon : s H/Phone : s

**Pengesahan :**

Saya dengan ini bersetuju bahawasanya maklumat yang saya nyatakan adalah BENAR dan bersetuju permohonan saya dibatalkan sekiranya terdapat percanggahan dengan maklumat sebenarnya.

Tarikh : **24/01/2016** Tandatangan : ______________________

* Sila kembalikan surat ini kepada Urusetia Konvokesyen sebelum 01hb Mac 2016.
** Sila tulis jabatan pengajian di penjuru kiri sebelah atas sampul surat.

Contoh

Senarai Semak Untuk Penghantaran Borang Permohonan Konvokesyen.

Nama :
No.Pend :
No. KP :
Tarikh Cetak: **24/01/2016**

**Sila Tandakan :**

- ☐ Cetak Surat Jawapan Akan Hadir/ Tidak Hadir dan ditandatangani.
- ☐ Slip asal pembayaran konvokesyen melalui Bank Muamalat,Maybank atau RHB.
  (RM 220.00 bagi graduan yang hadir/ tidak hadir)

  (Para graduan yang akan hadir diminta menyimpan dan membawa salinan fotokopi slip) asal pembayaran untuk semakan pada hari pendaftaran konvokesyen.)
- ☐ Sampul surat berukuran 40 cm x 30 cm, bersetem RM4.00, nama dan beralamat sendiri bagi graduan yang tidak akan hadir SAHAJA. Sampul tersebut hendaklah dituliskan No. Pendaftaran Pelajar di sudut atas sebelah kiri sampul surat .
- ☐ Bar Code AR Register berwarna kuning berharga RM2.80 di Pejabat Pos. (Bagi graduan yang tidak akan hadir SAHAJA).

**Langkah 4 : Proses Menghantarkan Borang Jawapan**

Setelah selesai semua proses diatas dilaksanakan, semak senarai dokumen yang perlu dihantar kepada Urusetia Konvokesyen PKB. Borang berserta salinan asal slip pembayaran melalui bank (sila catatkan nama dan nombor pendaftaran pelajar di bahagian atas sebelah kiri slip bayaran tersebut) hendaklah dihantar ke alamat berikut:

***JK Pendaftaran Graduan,***
***Majlis Konvokesyen Ke 30,***
***Politeknik Kota Bharu,***
***Km 24, Kok Lanas,***
***16450 KETEREH,***
***Kelantan Darul Naim.***
***(u.p.: Unit Psikologi & Kerjaya)***

Sila tuliskan jabatan pengajian ( JKA / JKE / JKM/ JP) pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat jawapan dan kembalikan surat ini kepada Urusetia sebelum atau pada **28 FEBRUARI 2017** (Selasa).

Sebarang pertanyaan: sila hubungi talian **09- 788 9126** / **9344**

a) Pendaftaran Graduan : Unit Psikologi & Kerjaya (*samb.* 143,152 atau 115)
b) Bayaran : Bendahari (*samb.* 245 )
c) Alumni : Setiausaha Kerja (*samb.* 117)
d) Pengesanan Graduan : Pn Mardiana Bt Mahmood (*samb.* 174)
e) Pengambilan Jubah : Koperasi PKB (*samb.* 218 )
f) Pengambilan Skrol : Unit Peperiksaan (*samb.* 130), Pn. Zainab (019-9125284)
g) Data/laman web (teknikal) : Unit Multimedia & Sumber (*samb.* 120)
h) Urusetia : JMSK (*samb.* 351)